Kata Adjektif: Pancaindera

Pilih jawapan yang betul.

1. Setelah penat bersorak, suara murid itu menjadi [ ].

   A garau B serak C merdu

2. Air kopi itu terasa [ ] kerana belum dibubuh gula.

   A kelat B manis C pahit

3. Jam penggera itu berbunyi sungguh [ ] sehingga mengganggu tidur kami.

   A nyaring B merdu C gemersik

4. Baju yang dijemur sejak pagi tadi masih [ ] kerana cuaca mendung.

   A sejuk B lembab C kotor

5. Ubi kayu yang empuk itu [ ] dimakan.

   A enak B payau C kelat

6. Sampah sarap di dalam longkang itu berbau [ ].

   A hancing B busuk C hamis

7. Masakan ibu yang dimasak dua hari lepas telah [ ].

   A buruk B sedap C basi

8. Sofa baharu itu sungguh [ ].

   A empuk B lembut C wangi

9. Buah mangga muda itu rasanya sangat [ ].

   A pahit B manis C masam

10. Nasi lemak itu sedap tetapi sambalnya terlalu [ ].

    A pekat B pedas C pahit

LIVEWORKSHEETS